



## Fonologi Bahasa Kantuk: Kekerabatan dan keeratannya dengan Bahasa Iban dan dialek Melayu Semenanjung

Jasmin Badrudin<sup>1</sup>, Mohammad Nur Latif<sup>2</sup>, Shahidi A.H.<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, <sup>2</sup>Fakultas Ilmu Budaya Universitas Hasanuddin, Makassar, <sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Jasmin Badrudin (email: jasmeen305@yahoo.com)

### Abstrak

Kajian ini adalah sebahagian daripada usaha penelitian bahasa-bahasa di Borneo dan keterkaitannya dengan dialek Melayu di Semenanjung Malaysia. Data yang dimanfaatkan dalam penulisan ini merupakan kata-kata yang dituturkan oleh penutur asli bahasa Kantuk yang mendiami beberapa lokasi tertentu dalam daerah Kapuas Hulu, Kalimantan Barat, Indonesia, khususnya di Bandar Semitau. Data linguistik ini seterusnya dianalisis berasaskan kerangka Dialektologi Generatif. Aspek asimilasi nasal-obstruen yang wujud dalam bahasa Kantuk diteliti dan seterusnya diperbandingkan dengan bahasa Iban (Sarawak) dan dialek Melayu (Semenanjung Malaysia) dengan tujuan menilai keeratan dan kekerabatan hubungan antara bahasa-bahasa ini. Dapatan kajian telah menyerlahkan kewujudan proses asimilasi yang melibatkan bunyi nasal dan obstruen pada lingkungan awal kata. Kata kerja aktif dalam bahasa Kantuk ternyata dibentuk berasaskan penggabungan kata dasar dengan imbuhan awalan /ŋ/. Dua proses fonologi iaitu asimilasi nasal-obstruen dan proses struktur suku kata yang dilaksanakan secara tertib menyerlahkan persamaan proses fonologi antara bahasa Kantuk dengan bahasa Iban dan dialek Kedah Utara. Keberhasilan menerapkan proses dan rumus asimilasi, serta atur rumus yang setara bagi bahasa-bahasa berkenaan jelas memperlihatkan adanya hubungan yang erat antara bahasa berkenaan. Ia sekaligus menjadi sebahagian daripada bukti keterikatan fonologi dan morfologi antara bahasa-bahasa ini. Dapatan kajian ternyata memberikan implikasi kepada pengukuhan bukti akan keeratan hubungan dan kekerabatan antara bahasa Kantuk dengan bahasa Melayu dan Iban.

**Katakunci:** bahasa Kantuk, bahasa Iban, dialektologi generatif, dialek Melayu, perpaduan nasional, proses fonologi

## The making of Malaysian solidarity: Mainstream phonological affinities of the Kantuk dialect

### Abstract

This study examines the connection of native dialects in Borneo to the mainstream Malay dialect in Peninsular Malaysia, in particular a collection of words spoken by the Kantuk natives who occupy a few specific locations in Bandar Semitau of the Indonesian West Kalimantan's district of Kapuas Hulu. These linguistic data were further analyzed based on the Dialectology Generative framework. Nasal-obstruent assimilation aspect that exists in the Kantuk dialect was scrutinized and consequently compared with the Iban and Malay dialects in order to evaluate the strength and kinship between them. The results reveal the existence of the assimilation process involving nasal-obstruent sound in initial word position. Active verbs in Kantuk dialect are formed based on the merging of root words and prefix /ŋ/. Two phonological processes, namely, nasal-obstruent assimilation and syllable structural process practiced by order accentuate the similarity of phonological process between the Kantuk and the Iban and the Kedah dialects. The ability to apply the assimilation formula and process in a clear and standardized manner evidently displays a close relationship between these dialects and a proof of phonological and morphological kinships between the dialects.

**Keywords:** generative dialectology, Iban dialect, Kantuk dialect, Malay dialect, national solidarity, phonological process

## Pengenalan

Bahasa Kantuk merujuk kepada bahasa pertuturan suku Dayak Kantuk. Setiap suku Dayak dikatakan mempunyai bahasanya sendiri. Secara umumnya, bahasa Dayak yang menjadi bahasa perantaraan penduduk berbilang suku di Kalimantan Utara, Selatan, Timur dan Barat ialah bahasa Dohoi atau Ot Danum (Riwut, 2007). Menurut Kadir (1991), suku Dayak Kantuk ini mendirikan penempatan di sepanjang daerah perbatasan antara Kalimantan Barat dengan Sarawak, iaitu dari desa Guna Banir, Kabupaten Daerah Tingkat II sehingga kawasan Kapuas Hulu. Di kawasan Kapuas Hulu, penempatan suku ini menyebarkan di beberapa kawasan iaitu Kecamatan Sekayam, Balitang Hulu, Balitang Hilir, Ketungau Hulu, Ketungau Tengah, Ketungau Hilir, Kecamatan Sintang, Silat Hilir, Seberuang, Semitau, Empanag, Badau, Tanah Batang Lupar, Embaloh Hulu dan Hilir, Bunut Hilir, Manday, dan Kecamatan Putussibau.

Penelitian ke atas kosa ilmu kajian lepas menunjukkan bahawa bahasa Kantuk adalah antara beberapa bahasa yang pernah diteliti oleh pengkaji-pengkaji lepas. Antara lainnya, kajian oleh Collins (2004), Rahim Aman (2006), Yusriadi (2007), Collins dan Shin (2010). Kantuk menjadi sebahagian daripada bahasa yang sering dibicarakan sewaktu pengkaji-pengkaji lepas meneliti rumpun bahasa Austronesia mahupun ketika membahaskan susur-galur bahasa Melayu di kepulauan Nusantara. Aspek bahasa Kantuk yang sering dikaji ialah fonologi, morfologi dan leksikal. Meskipun fonologi dan morfologi bahasa Kantuk adalah antara aspek yang sering mendapat perhatian pengkaji bahasa namun penerapan fonologi generatif dalam hal ini sangatlah terbatas. Kelompongannya inilah yang cuba diisi oleh pengkaji menerusi penulisan ini.

## Skop dan tujuan kajian

Kajian ini adalah sebahagian daripada usaha penelitian bahasa-bahasa di Borneo dan keterkaitannya dengan dialek Melayu di Semenanjung Malaysia. Data yang dimanfaatkan dalam penulisan ini merupakan kata-kata yang dituturkan oleh penutur asli bahasa Kantuk yang mendiami bandar Semitau daerah Kapuas Hulu di Kalimantan Barat, Indonesia (Rajah ).



Rajah 1. Peta lokasi Semitau dan Kalimantan Barat

Kajian ini secara khusus bertujuan meneliti aspek asimilasi nasal-obstruen yang wujud dalam bahasa Kantuk. Kewujudan aspek ini dalam bahasa Kantuk seterusnya diperbandingkan pula dengan dua bahasa lain iaitu bahasa Iban (Sarawak) dan bahasa Melayu (dialek Melayu di semenanjung Malaysia) dengan tujuan menilai keamatan dan kekerabatan hubungan antara bahasa-bahasa ini.

Proses asimilasi<sup>1</sup> yang dibicarakan dalam kajian ini secara umumnya merujuk kepada situasi apabila sesuatu konsonan berasimilasi dengan fitur konsonan, misalnya asimilasi antara segmen nasal

dan obstruen yang hadir bersebelahan. Secara khusus, fokus kajian ini ialah pada proses asimilasi nasal-obstruen iaitu apabila sesuatu segmen nasal berubah menjadi nasal yang homorgan (ada unsur persamaan dari segi daerah artikulasi) dengan obstruen yang mengikutinya.

Di samping membuat penelitian ke atas aspek asimilasi nasal-obstruen (*i.e.* melibatkan pemerian proses dan rumus fonologi) bahasa Kantuk, kajian ini juga bertujuan menyerlahkan kewujudan aspek ini dalam dua bahasa lain iaitu bahasa Iban dan bahasa Melayu. Dalam hal ini, kerangka dialektologi generatif diterapkan dalam usaha menganalisis aspek asimilasi nasal-obstruen bahasa Kantuk. Dialektologi generatif melibatkan aplikasi konsep serta gagasan nahu generatif khususnya fonologi generatif pada huraian dan analisis kontrasitif dua (atau lebih) dialek yang berbeza.

Sejajar dengan skop dan tujuan kajian maka proses dan rumus fonologi yang berkaitan dengan aspek asimilasi nasal-obstruen akan menjadi tunjang perbincangan dalam penulisan ini. Analisis ini juga bertujuan untuk mengukuhkan bukti akan keamatan hubungan dan kekerabatan antara bahasa Kantuk dengan bahasa Melayu dan Iban. Tegasnya, dapatan kajian ini sekaligus akan membantu memperkukuhkan lagi hujah-hujah kajian lepas tentang kewujudan hubungan berkenaan.

## Metodologi kajian

Kajian ini memanfaatkan dua kaedah kajian utama, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan bagi memperoleh satu hasil yang dapat lengkap dan tuntas. Beberapa kaedah tertentu (misalnya, perakaman dan temubual) telah dimanfaatkan dalam usaha memperoleh data di lapangan. Perakaman merujuk kepada aktiviti mengumpul data leksikon budaya setempat, data penceritaan, serta data temu bual menerusi proses rakaman. Hasil rakaman ini menjadi data mentah terpenting bagi proses pentranskripsian dalam bentuk fonetik. Leksikon budaya setempat (300 – 400 patah perkataan) turut diberi tumpuan khususnya melalui teknik penceritaan dan penganalisan dokumen-dokumen lama juga tidak ketinggalan untuk dimanfaatkan bagi melengkapkan proses pengumpulan data. Data kajian diperoleh dari penutur bahasa Kantuk yang mendiami beberapa lokasi tertentu khususnya Bandar Semitau dalam daerah Kapuas Hulu, Kalimantan Barat, Indonesia. Data linguistik ini seterusnya dianalisis berasaskan kerangka Dialektologi Generatif.

## Dapatan kajian

Penelitian lepas terhadap data dialek Melayu semenanjung menunjukkan adanya asimilasi nasal-obstruen iaitu [m, n, ŋ, ŋ ] dengan [p, b, t, d, č, ĵ, k, g] dalam proses pembentukan kata kerja aktifnya (lihat, Shahidi 2009). Dalam hal ini, segmen /ŋ/ (dalam imbuhan /məŋ-/) menjadi /m/, /n/, /ŋ/, dan /ŋ/ apabila berasimilasi dengan /p, b/, /t, d/, /č, ĵ/ dan /k, g, ?/ (misalnya, perkataan *memaku*, *membeli*, *menari*, *mendulang*, *mencari*, *menjadi*, *menyiram*, *mengayuh*, *menggaru*, dan *mengikat*). Fenomena yang sama (/ŋ/ berasimilasi dengan /p, b/, /t, d/, /č, ĵ/ dan /k, g, ?/ dalam proses pembentukan kata kerja aktif) juga terserlah dalam bahasa Iban (Shahidi, 2000).

Hasil penelitian ke atas bahasa Kantuk turut menunjukkan bahawa proses asimilasi nasal-obstruen wujud secara ketara dalam bahasa Kantuk ini. Ia ditemui dalam kes pembentukan kata kerja aktif menggunakan imbuhan awalan /ŋ-/. Sebagai contohnya, sila rujuk data di bawah:

Bil.	Kata dasar (KD)	KD + imbuhan /ŋ-/	Glos	KD + imbuhan /di-/	Glos
1.	bəri?	məri?	<i>memberi</i>	dibəri?	<i>diberi</i>
2.	bagi	magi	<i>membahagi</i>	dibagi	<i>dibahagi</i>
3.	bəlah	məlah	<i>membelah</i>	dibəlah	<i>dibelah</i>
4.	čəlap	ŋəlap	<i>menyejukkan</i>	dičəlap	<i>disejukkan</i>
5.	čiom	ŋiom	<i>menghidu</i>	dičiom	<i>dihidu</i>
6.	čuci	ŋuci	<i>mencuci</i>	dičuci	<i>dicuci</i>
7.	čukir	ŋukir	<i>menyentuh</i>	dicukir	<i>disentuh</i>

8.	didit	nidit	<i>mengipas</i>	dididit	<i>dikipas</i>
9.	dingar	ningar	<i>mendengar</i>	didingar	<i>didengari</i>
10.	gali	ḡali	<i>menggali</i>	digali	<i>digali</i>
11.	guyai	ḡuyai	<i>menggoncang</i>	diguyai	<i>digoncang</i>
12.	ḡaga	ḡaga	<i>menjaga</i>	dḡjaga	<i>dijaga</i>
13.	ḡaḡji	ḡaḡji	<i>menjanjikan</i>	dḡjḡji	<i>dijanjakan</i>
14.	ḡjual	ḡjual	<i>menjualkan</i>	dḡjual	<i>dijual</i>
15.	jilat	nilat	<i>menjilat</i>	dḡjilat	<i>dijilat</i>
16.	kərama?	ḡərama?	<i>mencakar</i>	dikərama?	<i>dicakar</i>
17.	kəraḡai	ḡəraḡai	<i>mengais</i>	dikəraḡai	<i>dikais</i>
18.	kəṭaw	ḡəṭaw	<i>menuai</i>	dikəṭaw	<i>dituai</i>
19.	kacau	ḡacau	<i>mengganggu</i>	dikacau	<i>diganggu</i>
20.	kumay	ḡumay	<i>memanggil</i>	dikumay	<i>dipanggil</i>
21.	kumpol	ḡumpol	<i>mengumpul</i>	dikumpol	<i>dikumpul</i>
22.	pəcal	məcal	<i>memicit</i>	dipəcal	<i>dipicit</i>
23.	pəda?	məda?	<i>memandang</i>	dipəda?	<i>dipandang</i>
24.	pədeh	mədeh	<i>menyakiti</i>	dipədeh	<i>disakiti</i>
25.	padah	madah	<i>memberitahu</i>	dipadah	<i>diberitahu</i>
26.	paksa	maksa	<i>memaksa</i>	dipaksa	<i>dipaksa</i>
27.	palo?	malo?	<i>memukul</i>	dipalo?	<i>dipukul</i>
28.	pampu	mampu	<i>membasuh</i>	dipampu	<i>dibasuh</i>
29.	piḡay	miḡay	<i>memegang</i>	dipiḡay	<i>dipegang</i>
30.	raḡkai	ḡəraḡkai	<i>mengering</i>	diraḡkai	<i>dikeringkan</i>
31.	rudu	ḡərudu	<i>melanggar</i>	dirudu	<i>dilanggar</i>
32.	rəbueh	ḡərəbueh	<i>merebus</i>	dirəbueh	<i>direbus</i>
33.	salak	ḡalak	<i>menyalak</i>	disalak	<i>disalak</i>
34.	saḡka	ḡaḡka	<i>menyangka</i>	disaḡka	<i>disangka</i>
35.	sulit	ḡulit	<i>menyusah</i>	disulit	<i>disusahkan</i>
36.	sumay	ḡumay	<i>memasak</i>	disumay	<i>dimasak</i>
37.	susu	ḡusu	<i>menyusu</i>	disusu	<i>disusukan</i>
38.	təlan	nəlan	<i>menelan</i>	ditəlan	<i>ditelan</i>
39.	təmpap	nəmpap	<i>menepuk</i>	ditəmpap	<i>ditepuk</i>
40.	təṭa?	nəṭa?	<i>memotong</i>	ditəṭa?	<i>dipotong</i>
41.	tan	ḡətan	<i>menahan</i>	ditan	<i>ditahan</i>
42.	tangkih	naḡkih	<i>mengelak</i>	ditaḡkih	<i>dielak</i>
43.	tusok	nusok	<i>menusuk</i>	disusok	<i>ditusuk</i>
44.	batak	matak	<i>menarik</i>	dibatak	<i>ditarik</i>
45.	tiki	niki	<i>mendaki</i>	ditiki	<i>didaki</i>
46.	timbang	nimbang	<i>menembak</i>	ditimbang	<i>ditembak</i>
47.	titeh	niteh	<i>mengejar</i>	dititeh	<i>dikejar</i>
48.	tuloḡ	nuloḡ	<i>membantu</i>	dituloḡ	<i>dibantu</i>
49.	tunu	nunu	<i>membakar</i>	ditunu	<i>dibakar</i>
50.	tutok	nutok	<i>menumbuk</i>	ditutok	<i>ditumbuk</i>

Berdasarkan data di atas, dapat kita lihat kewujudan proses asimilasi yang melibatkan bunyi nasal dan obstruen pada lingkungan awal kata. Kata kerja aktif dalam bahasa Kantuk terbentuk menerusi penggabungan kata dasar dengan imbuhan awalan, misalnya /ḡ/ + /padah/ menjadi /madah/, /ḡ/ + /ṭukir/ menjadi /ḡukir/, /ḡ/ + /didit/ menjadi /nidit/, /ḡ/ + /kumay/ menjadi /ḡumay/, /ḡ/ + /guyai/ menjadi /ḡuyai/, dan /ḡ/ + /tutok/ menjadi /nutok/.

Secara khusus, situasi di atas memperlihatkan segmen /ḡ/ berasimilasi dengan segmen obstruen /p, b, t, d, ṭ, ḡ, s, k, g/ lantas menghasilkan segmen nasal yang homorgan iaitu /m, n, ḡ, ḡ/. Perubahan /ḡ/ menjadi /m/, /n/, /ḡ/, dan /ḡ/ dapat dinyatakan dalam bentuk rumus berikut:

Rumus homorganik nasal dalam bahasa Kantuk:

$$\eta \longrightarrow \left[ \begin{array}{c} m \\ n \\ \eta \\ \eta \end{array} \right] / \text{---} + \left[ \begin{array}{c} p, b \\ t, d \\ s, \check{c}, \check{j} \\ k, g \end{array} \right]$$

Rumus di atas dapat diformalisasikan secara notasi fitur seperti berikut:

$$\left[ \begin{array}{c} + \text{nasal} \\ + \text{belakang} \end{array} \right] \longrightarrow [ \alpha \text{ D.A} ] / \text{---} + \left[ \begin{array}{c} - \text{sonoran} \\ \alpha \text{ D.A} \end{array} \right]$$

Pada hakikatnya, pembentukan kata kerja berkenaan adalah hasil penerapan dua rumus fonologi (*via* dua proses fonologi) yang berlaku secara berturutan/tertib. Menurut Schane (1973), rumus-rumus fonologi harus terlaksana secara tertib (suatu rumus harus mendahului suatu rumus lain). Sebarang ketidaktertiban pelaksanaan rumus boleh menyebabkan terhasilnya bentuk luaran yang berbeza.

Tegasnya, di samping homorganik nasal, pembentukan kata kerja berkenaan juga melibatkan proses struktur suku kata iaitu pengguguran obstruent tak bersuara yang mengikuti nasal yang sama daerah artikulasi dengannya *i.e.* pelaksanaan dua rumus secara tertib. Menurut Hyman (1975), pelaksanaan rumus secara tertib adalah penting kerana output/hasil dari pelaksanaan rumus pertama akan menjadi input kepada pelaksanaan rumus berikutnya).

Perlu juga ditegaskan di sini bahawa, pemilihan / $\eta$ / sebagai bentuk dasar morfem imbuhan awalan dalam bahasa Kantuk adalah berdasarkan keupayaannya untuk hadir dalam pelbagai konteks atau dalam lingkungan yang lebih besar (untuk huraian lanjut tentang pemilihan sesuatu segmen dasar, rujuk Kenstowicz & Kisseberth, 1979:39). Pembentukan kata kerja aktif dengan kata dasar yang bermula dengan bunyi vokal juga menjadi sebahagian daripada bukti keluasan lingkungan yang mampu dihadapi oleh segmen ini. Sebagai contohnya:

Bil.	Kata dasar (KD)	KD + imbuhan / $\eta$ -/	makna	KD + imbuhan /di-/	makna
1.	ǎjar	$\eta$ ǎjar	<i>menasihatkan</i>	diǎjar	<i>dinasihatkan</i>
2.	akal	$\eta$ akal	<i>menipu</i>	diakal	<i>ditipu</i>
3.	asay	$\eta$ asay	<i>merasai</i>	diasai	<i>dirasai</i>
4.	awak	$\eta$ awak	<i>mengabaikan</i>	diawak	<i>diabaikan</i>
5.	eĵa	$\eta$ eĵa	<i>mengeja</i>	dieĵa	<i>dieja</i>
6.	edar	$\eta$ edar	<i>mengedar</i>	diedar	<i>diedar</i>
7.	i $\eta$ sau	$\eta$ i $\eta$ sau	<i>menghisap</i>	di $\eta$ sau	<i>dihisap</i>
8.	inte?	$\eta$ inte?	<i>mengumpun</i>	diinte?	<i>diumpan</i>
9.	ulor	$\eta$ ulor	<i>menghulur</i>	diulor	<i>dihulur</i>

Seperkara lagi yang perlu diketengahkan di sini ialah hakikat bahawa homorganik nasal dalam bahasa Kantuk juga tidak hanya berlaku dalam lingkungan sempadan morfem sahaja. Dengan perkataan lain, homorganik nasal dalam bahasa Kantuk juga wujud dalam kata dasar sepertimana yang mudah ditemui dalam bahasa Melayu semenanjung. Antara contoh kata dasar yang memaparkan hakikat ini termasuklah [i $\eta$ sau], [inte?], [ĵa $\eta$ ĵi], [pampu], [ra $\eta$ kai], [sa $\eta$ ka], [t $\eta$ mpap], [ta $\eta$ kih], dan [timbak]. Secara ringkas, ia dapat digambarkan seperti berikut:

$$\begin{array}{ll} m - p & \eta - \check{j} \\ m - b & \eta - s \\ n - t & \eta - k \end{array}$$

## Kesimpulan

Data yang dipaparkan dalam penulisan ini merupakan sebahagian daripada kata-kata yang dituturkan oleh responden kajian (penutur asli bahasa Kantuk) yang mendiami bandar Semitau daerah Kapuas Hulu di Kalimantan Barat, Indonesia. Kajian ini telah berusaha memaparkan fenomena kekerabatan dan keterikatan antara bahasa Kantuk dengan bahasa Melayu, dan bahasa Iban khususnya dari aspek fonologi.

Secara khusus, kajian ini menyerlahkan kewujudan proses asimilasi yang melibatkan bunyi nasal dan obstruen pada lingkungan awal kata. Kata kerja aktif dalam bahasa Kantuk ternyata dibentuk berasaskan penggabungan kata dasar dengan imbuhan awalan /ŋ/, misalnya /ŋ/ + /padah/ menjadi /madah/, /ŋ/ + /tʃukir/ menjadi /ŋukir/, /ŋ/ + /didit/ menjadi /nidit/, /ŋ/ + /kumay/ menjadi /ŋumay/, /ŋ/ + /guyai/ menjadi /ŋuyai/, dan /ŋ/ + /tutok/ menjadi /nutok/ (segmen nasal velar /ŋ/ berasimilasi dengan segmen obstruen /p, b, t, d, ʃ, j, s, k, g/ dan menghasilkan segmen nasal yang homorgan iaitu /m, n, j, ŋ/).

Kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan kata kerja berkenaan adalah hasil penerapan secara tertib dua rumus fonologi (menerusi dua proses fonologi iaitu asimilasi nasal-obstruen dan proses struktur suku kata). Justeru, proses penghasilan representasi luaran bagi perkataan-perkataan berkenaan yang jelas harus melalui dua rumus yang dilaksanakan secara tertib menyerlahkan persamaan proses fonologi bahasa Kantuk, Iban dan dialek Melayu semenanjung Malaysia, misalnya Sub-dialek Kedah Utara (Shahidi, 2009).

Dapatlah ditegaskan di sini bahawa proses pembentukan kata kerja aktif dalam bahasa Kantuk tidak berbeza dengan yang apa diperlihatkan dalam fonologi bahasa Iban Sarawak dan dalam fonologi dialek Melayu semenanjung. Dapatan kajian ini sekaligus membantu memperkukuhkan lagi hujah-hujah kajian lepas tentang kewujudan hubungan antara bahasa-bahasa berkenaan. Keberhasilan menerapkan proses dan rumus asimilasi bagi bahasa berkenaan jelas memperlihatkan adanya hubungan yang erat antara bahasa berkenaan. Justeru, situasi ini mampu menjadi sebahagian daripada bukti keterikatan fonologi dan morfologi antara bahasa-bahasa ini.

## Rujukan

- Collins JT (2004) Ibanic Languages in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin* 35, 17-47.
- Collins JT, Shin C (2010) *Bahasa di Selat Makassar dan Samudera Pasifik*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Bangi.
- Hyman LM (1975) *Phonology: Theory and analysis*. Holt, Rinehart and Winston, New York.
- Kadir LH (1991) *Catatan kata-kata Bahasa Kantuk-Indonesia*. (Kamus sederhana bahasa Kantuk). s.n., Pontianak.
- Kenstowicz M, Kisseberth C (1979) *Generative phonology: Description and theory*. Academic Press, New York.
- Rahim Aman (2006) *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk dan Muallang*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Riwut N (2007) *Kalimantan membangun alam dan kebudayaan*. NR Publishing, Yogyakarta.
- Schane SA (1973) *Generative phonology*. Prentice-Hall, Inc., New Jersey.
- Shahidi AH (2000) Analisis fonologi bahasa Iban. *Jurnal Dewan Bahasa* 44 (4), 434 - 444.
- Shahidi AH (2009) Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa* 9 (2), 302-325.
- Yusriadi (2007) *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- 
1. Penggabungan morfem membentuk perkataan menyebabkan wujudnya keadaan segmen tertentu menjadi bersebelahan atau bergabung dengan segmen lain. Penggabungan itu juga seringkali menyebabkan

wujudnya keadaan perubahan-perubahan tertentu pada segmen-segmen berkenaan. Secara umumnya, perubahan ini bertujuan untuk memudahkan sebutan (kelancaran penyebutan). Perubahan-perubahan fonologi ini dirujuk sebagai proses-proses fonologi. Asimilasi yang menjadi tunjang penulisan ini adalah sebahagian daripada contoh proses-proses fonologi.